

17 NOV 2003

Zainudin-Dokumen

PAS PERLU TARIK BALIK FATWA KAFIRKAN ORANG UMNO

ALOR STAR, 17 Nov (Bernama) -- PAS perlu menarik balik fatwanya "mengkafirkan orang Umno" sebelum mengajak semua presiden parti politik di negara ini membincangkan Dokumen Negara Islam yang dilancarkan parti itu Rabu lalu, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin,

Beliau berkata Presiden PAS Datuk Abdul Hadi Awang yang mengemukakan fatwa itu tidak perlu bimbang untuk mengugurkannya jika parti itu benar-benar ikhlas.

"Saya minta Abdul Hadi tarik balik fatwa yang bertentangan dengan ajaran agama (mengkafirkan orang Umno) sebelum cadangan Dokumen Negara Islam PAS boleh dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan kepulauan Tun Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Zainudin mengulas cadangan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya diadakan pertemuan di kalangan semua presiden parti politik bagi membincangkan Dokumen Negara Islam yang dilancarkan PAS.

Nik Abdul Aziz berkata langkah itu membolehkan presiden parti politik menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap dokumen berkenaan dan mendapat penjelasan terus daripada Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu.

Zainudin berkata keikhlasan PAS penting bagi mengelakkan parti pembangkang itu terus menggunakan fatwa berkenaan untuk menuduh Umno tidak berpegang kepada akidah dan menentang Islam, sekiranya dokumen itu ditolak.

Katanya Ketua Penerangan PAS Datuk Dr Harun Din dalam lidah rasmi parti itu juga telah mengatakan akan bertindak memberi penerangan kepada masyarakat bahawa Umno parti yang telah menolak Islam.

"Cadangan PAS itu tidak lebih daripada sebagai cuba mengaburi mata orang ramai sahaja kerana rencana pengarang Harakah dalam edisi bahasa Inggerisnya sendiri pernah mengingatkan pemimpin-pemimpin mereka supaya tidak lagi duduk semeja dengan mereka yang dianggap tidak percaya kepada hari akhirat," katanya.

Zainuddin berkat, beliau tetap berpegang kepada pendirian awalnya iaitu orang ramai tidak perlu membuang masa berbincang tentang dokumen itu kerana ia tidak relevan dengan situasi rakyat Malaysia dari segi sosial, agama ataupun politik.

Katanya penerbitan dokumen Islam itu hanya bertujuan membersihkan imej PAS sebagai parti Islam yang telah tercemar kerana beberapa pendedahan yang dilakukan RTM.

-- BERNAMA

MNH RON